

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN
ISMAIL
[PERMATANG PAUH - PKR]**

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 52)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan khususnya dalam Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) dalam mempersiapkan barisan pemain kebangsaan dalam menuju Piala Dunia 2022 di Qatar.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) sedang giat dijalankan di seluruh negara dengan penubuhan 46 Akademi Tunas bagi peringkat umur 7 hingga 12 tahun dan 60 Pusat Latihan Daerah bagi peringkat umur 13 hingga 17 tahun. Seramai 19,250 pelatih sedang menjalani latihan dibawah kawalan 966 jurulatih-jurulatih secara separuh dan sepenuh masa di seluruh negara di bawah pemantauan Pengarah Projek PPBN iaitu En. Lim Teong Kim yang merupakan bekas jurulatih remaja Kelab Bayern Munich.
2. Kemuncak kepada program ini ialah skuad-skuad elit yang berumur 13 hingga 17 tahun akan ditempatkan di Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD) di Gambang Pahang dalam persiapan untuk melayakkan diri ke Kejohanan Piala Dunia Remaja pada tahun 2019. Kumpulan perintis PPBN yang kini berumur 14 tahun telah pun mencipta beberapa kemenangan ketika bersaing dengan kelab-kelab ternama Eropah seperti Bayern Munich, Liverpool, Atletico Madrid, Sporting Lisbon, FC Sevilla, Chelsea dan Tottenham Hotspur pada tahun 2015 lalu serta merupakan penyandang juara kejohanan berprestij di Eropah iaitu IberCup Costa Del Sol, Sepanyol. Pasukan ini juga bakal membawa cabaran negara di pusingan kelayakan Piala Dunia 2022 kelak.

Sekian, terima kasih.